



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JANUARI / 4 / 2025

M/S : 2



Amanat Perdana Menteri turut disaksikan penjawat awam secara penstriman langsung pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri bagi Januari 2025 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Naik gaji, AKPS antara pencapaian reformasi perkhidmatan awam

Ketua Setiausaha Negara zahirkan komitmen dukung aspirasi sektor awam

Putrajaya: Kenaikan gaji penjawat awam menerusi Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SS-PA), penubuhan Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI) serta pelancaran Agensi Kawalan dan Perlindungan Semipadan (AKPS) antara pencapaian awal yang dikecapi menerusi agenda reformasi perkhidmatan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata kejayaan reformasi agenda perkhidmatan yang lain, termasuk Deklarasi Kuala Lumpur - Tekad Bersama Perkhidmatan Awam pada 24 November lalu, iaitu buat julung kalinya dalam sejarah negara dilaksanakan apabila semua pentadbiran kerajaan negeri menandatangani dan mengisytiharkan komitmen untuk melaksanakan reformasi perkhidmatan awam di seluruh negara.

"Kita juga melaksanakan nyanjian lagu *Negaraku* dan Ikhtiar Rukun Negara bermula 20 September 2024 bagi meningkatkan patriotisme dan taat setia pen-

jawat awam, selain pelaksanaan penilaian *demerit performance evaluation* (DEEP) kepada pegawai pengawal sebagai penilaian lebih adil dan berobjektif, bermula bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Januari 2025 di sini, semalam, yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Shamsul Azri berkata, kerajaan juga melaksanakan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) dan uji kaji peraturan melalui pekeliling pada 24 November 2024.

"Setakat 17 Disember 2024, sebanyak 47 projek siap antara lain membabitkan usaha mempercepat proses kelulusan permohonan yang mengambil tempoh berbulan-bulan, kepada hanya beberapa hari, selain meningkatkan penubuhan Unit Integriti di pihak berkuasa tempatan daripada 49 kepada 102, iaitu peningkatan sebanyak 35 peratus," katanya.

Pencapaian kerajaan

Mengenai pencapaian pimpinan Kerajaan MADANI, beliau berkata, ia meliputi pelaburan ekonomi digital diluluskan bernilai RM254.7 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2024 serta berjaya mewujudkan 159,000 peluang pekerjaan.

Di bawah kepimpinan

Anwar katanya, Malaysia terus mencatatkan pencapaian ekonomi memberangsangkan dengan beberapa syarikat teknologi gergasi antarabangsa melabur besar di negara ini, antaranya Microsoft sebanyak RM10.5 bilion, NVIDIA dan YTL RM20 bilion serta Oracle RM27 bilion.

Selain itu, ringgit mencatatkan prestasi terbaik di rantau Asia, sementara Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) merekodkan pendapatan bersih yang melonjak 34 kali ganda, mencapai RM9.7 bilion.

"Kadar inflasi pula kekal terkawal pada 1.9 peratus hingga Ogos 2024 manakala Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengisytiharkan dividen 5.75 peratus yang menjadi angka tertinggi dalam tempoh lima tahun," katanya.

Shamsul Azri turut menzahirkan komitmen beliau dalam mendukung aspirasi perkhidmatan awam dan matlamat yang diarahkan menerusi pelbagai mekanisme dan saluran tersedia.

"Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi atau STAR dipengerusikan oleh saya dan dianggotai semua ketua setiausaha dan ketua perkhidmatan dan dibantu ketua pegawai reformasi (CRO) di setiap kementerian akan memastikan segala perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian, termasuk *follow up* dan *follow through* akan dibuat dengan sebaik mungkin," katanya. BERNAMA